

Ketika mengambil keputusan untuk berumah tangga, pastinya seorang wanita mengimpikan suami yang boleh didampingi dan melindungi mereka sepanjang hayat.

Namun, tidak semua wanita memperoleh kebahagiaan yang diimpikan, apabila statistik menunjukkan jumlah laporan keganasan rumah tangga semakin meningkat setiap tahun.

Keganasan rumah tangga adalah sesuatu yang agak kompleks kerana mangsa berkemungkinan dcederakan sekali gus mengalami kemurungan disebabkan tiada tempat untuk mengadu.

Malah mereka yang didera secara emosi dan mental mungkin agak sukar untuk dilihat atau difahami orang lain.

Mangsa keganasan rumah tangga sama ada isteri atau suami atau kanak-kanak atau orang kurang upaya (OKU) atau ahli keluarga yang lain, perlu mengetahui hak asasi mereka



KEGANASAN RUMAH TANGGA

telah dicabul dan golongan ini berhak mempertahankan hak tersebut.

Mereka yang mengalami masalah ini disaran tidak memendam rasa sebaliknya perlu membuat aduan kerana Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 melindungi anda daripada terus menjadi mangsa keganasan rumah tangga.

Perkara tergolong dalam keganasan rumah tangga

- Secara sengaja atau cuba meletakkan mangsa dalam keadaan ketakutan kecederaan fizikal.
- Mencederakan mangsa secara fizikal.
- Memaksa atau mengancam melakukan perbuatan berbentuk seksual atau selainnya yang mana mangsa itu berhak untuk tidak melakukannya.
- Mengurung atau menahan mangsa tanpa kerelaan.
- Khianat atau merosakkan harta dengan niat akan menyebabkan kesedihan atau kekusaran terhadap mangsa.

Kategori:

- *Penderaan fizikal*
- *Penderaan mental*
- *Penderaan emosi*
- *Penderaan seksual*
- *Penderaan spiritual*

Berlaku melalui beberapa tahap dan peringkat

1) Tahap 1: Peningkatan tekanan- Bermula dengan perselisihan yang kecil dan isteri cuba menenangkan si suami dengan pelbagai tindakan. Si isteri lebih banyak mengalah menyebabkan si suami akan menjadi dominan.

2) Tahap 2: Permulaan insiden keganasan- Di peringkat ini, keganasan berlaku secara mendadak disebabkan si suami tidak dapat mengawal kemarahannya. Si isteri pula tidak akan melawan, sebaliknya akan memendam rasa dan menangis. Keadaan ini akan menyebabkan si isteri mengalami tekanan psikologi yang keterlaluan.

3) Tahap 3: Pihak mangsa akan berasa sedih dan takut akan ditinggalkan pasangan. Suami berjanji akan berubah sikap, memohon maaf dan menunjukkan kasih sayang dan kemesraan yang luar biasa. Keadaan ini akan memberikan keyakinan kepada si isteri bahawa si suami akan berubah.

Golongan mudah terjebak

- Pasangan berkahwin pada usia muda.
- Pasangan yang berpersonaliti negatif (panas baran, kuat berleter, dan lain-lain).
- Pasangan yang tidak dapat menyesuaikan diri dalam rumah tangga.

- Penagih, pemabuk, kaki judi.
- Pasangan yang mengalami sakit mental.
- Pasangan kuat cemburu.
- Pasangan diganggu orang ketiga.
- Pasangan menghadapi masalah ekonomi.

Jalan penyelesaian

1) Jika keganasan rumah tangga di tahap tidak serius

- Kenal pasti punca.
- Cuba berbincaang dengan pasangan agar tidak berlaku lagi.
- Dapatkan bantuan orang ketiga dalam kalangan kedua-dua keluarga.
- Hubungi Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) atau Pejabat Pembangunan Wanita Negeri.

2) Jika keganasan di tahap serius

- Pastikan mangsa mendapat rawatan doktor jika berlaku kecederaan. Pergi ke Pusat Khidmat Bersepadu.
- Laporkan kepada pihak polis
- Laporkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan Perintah Perlindungan Interim (IPO) atau Perintah Perlindungan (PO).
- Jika mangsa membuat keputusan untuk bercerai, failkan penceraian di

mahkamah.

Cara dapat bantuan

- Ingin mendapatkan khidmat nasihat: Menelefon atau membuat temu janji dengan kaunselor dan Pegawai Pembangunan Masyarakat (JPW, PPWN, JKM, Jabatan Agama Islam dan sukarelawan pertubuhan bukan kerajaan).
- Ingin membuat aduan: Laporkan segera kepada pihak polis yang berdekatan. Jika terdapat kecederaan pergi ke Pusat Khidmat Sepadu (OSCC), ke Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk mendapatkan IPO dan tempat perlindungan jika perlu.

Bantuan polis

Laporkan keganasan rumah tangga di balai polis. Pastikan mangsa mendapatkan nombor laporan. Jika perlukan IPO, beritahu polis mangsa perlukan IPO. Pihak polis akan

merujuk mangsa kepada pegawai penyiasat untuk menyiasat kes. Mangsa akan dirujuk kepada pejabat kebajikan masyarakat akan membantu mangsa untuk mendapatkan IPO.

Mahkamah

Sama ada polis atau pegawai kebajikan masyarakat akan membantu mangsa untuk mendapatkan IPO di mahkamah. Mangsa juga boleh menggunakan khidmat peguam. Mahkamah akan mengeluarkan IPO jika mahkamah berpendapat mangsa memerlukan perlindungan.





Wanita sering menjadi mangsa keganasan rumah tangga terutama yang bersuamikan si panas baran. - Gambar hiasan

KPWKM sedia bantu mangsa

Berdasarkan statistik Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jumlah kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan kepada JKJ dari tahun 2006 sehingga Jun 2011 adalah sebanyak 2,986 kes.

Sepanjang tempoh 2006 hingga Julai 2011, sebanyak 1.635 kes keganasan rumah tangga membabitkan kaum Melayu direkodkan, diikuti 705 kes pasangan India, 487 kaum Cina, 79 kes pribumi Sabah, 47 kes pribumi Sarawak, dua kes peribumi Semenanjung dan 31 kes kaum lain.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKJ), Senator Datuk Heng Seai Kie berkata, pelbagai langkah yang dilakukan kementerian dan agensi di bawahnya untuk membantu dan mengurangkan insiden keganasan rumah tangga.

Beliau berkata, antaranya termasuk mengambil inisiatif untuk meminda Akta Rumah Tangga 1994 di mana pindaan akta ini telah dibentang dan diluluskan di Dewan Rakyat pada 4 Oktober 2011.

"Antara pindaan itu ialah memperluas takrifan

keganasan rumah tangga dengan mengambil kira aspek kecederaan emosi dan penderaan mental dan psikologi.

"Ia juga mempermudah proses permohonan perintah perlindungan interim (*Interim Protection Order*) dengan menetapkan permohonan IPO boleh dibuat di daerah lain dari tempat kejadian dan berkuat kuasa di semua tempat di Malaysia," katanya.

Menurutnya, menyedari kemiskinan dan kesempitan kewangan menjadi salah satu punca keganasan rumah tangga, perceraian serta masalah sosial, kementerian melalui LPPKN menyediakan program pengurusan kewangan keluarga SMART belanja @ LPPKN bagi meningkatkan tahap pemahaman dan kemahiran urus kewangan secara bijak.

"Kementerian menyediakan Talian Nur: 15999 sejak 5 Disember 2007 bagi memudahkan orang awam termasuk mangsa keganasan rumah tangga untuk membuat aduan ataupun membuat pertanyaan.

"Selain itu, kementerian turut menyediakan khidmat bimbingan dan kaunseling bagi mengukuhkan emosi dan psikologi mangsa," katanya.

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994

AKTA Keganasan Rumah Tangga diluluskan pada 1994 bagi mengenal pasti keganasan yang berlaku dalam sebuah rumah tangga sebagai masalah sosial yang serius dan mesti ditangani.

Kerajaan telah menyediakan peruntukan undang-undang mencukupi bagi membela hak seorang isteri atau ibu termasuk hak membela diri dan memberi perlindungan tertakluk kepada peruntukan undang-undang sama ada undang-undang sivil ataupun undang-undang syariah.

Dalam perundangan sedia ada, Akta Keganasan Rumah Tangga merupakan suatu akta yang memperuntukkan perlindungan undang-undang dalam situasi keganasan rumah tangga dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya.

Ini termasuk Perintah Perlindungan, pampasan dan kaunseling terhadap mangsa keganasan rumah tangga. Manakala hukuman yang dikenakan kepada pelaku keganasan rumah tangga adalah berdasarkan kepada bentuk keganasan yang dilakukan seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574].

Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 melindungi semua orang termasuk yang beragama Islam. Akta ini melindungi ahli keluarga terdekat, termasuk isteri atau suami, bekas isteri atau suami, kanak-kanak (termasuk anak angkat), orang dewasa yang tidak berkeupayaan (sama ada mental atau fizikal), dan mana-mana anggota keluarga yang lain.